

Akibat Tidak Mendengar Kata

Rozaneem Rusli

Liena tidak menghiraukan teguran daripada ibunya. Dia baru sahaja pulang ke rumah setelah seharian melepak bersama rakan-rakannya. Liena yang berumur 16 tahun merupakan anak tunggal kepada Puan Haida. Ayahnya telah meninggal dunia lebih kurang 5 tahun yang lalu.

“Ke mana kamu pergi dari petang tadi?” Tegur Puan Haida kepada Liena.

Liena tidak menjawab sebaliknya dia hanya memuncungkan mulut dan terus masuk ke bilik. Begitulah jawapan yang sentiasa diterima oleh ibunya. Walaupun hati ibunya sedikit terguris tetapi dia hanya bersabar memandangkan Liena hanyalah satu-satunya anak yang amat disayanginya.

Perbuatan Liena semakin menjadi-jadi. Dia sering keluar malam bersama rakan-rakannya. Tegahan ibunya hanya seperti mencurahkan air ke daun keladi. Walaupun ibunya sibuk berniaga, tetapi Liena tidak pernah membantunya.

Suatu hari, Puan Haida datang ke sekolah untuk menjemputnya pulang kerana neneknya sakit tenat di kampung. Liena yang sentiasa memonteng sekolah, tiada di sekolah. Ibunya pasrah. Puan Haida bercadang untuk menunggunya sahaja di rumah.

Sudah tiga hari berlalu, Liena masih tidak pulang ke rumah. Puan Haida yang semakin risau telah membuat laporan di balai polis. Namun, Liena masih belum ditemui. Puan Haida juga ada bertanyakan hal tentang Liena kepada rakannya di sekolah. Rakannya berpendapat mungkin Liena telah dibawa lari oleh rakan-rakan liarnya kerana mereka mempunyai komplot mereka sendiri. Puan Haida semakin risau dan runsing dengan apa yang dikatakan oleh rakan Liena itu.

Suatu hari, Liena muncul di muka pintu rumahnya. Puan Haida amat terperanjat dan terus merangkul dan memeluk Liena sekuat hati. Keduanya menangis. Keadaan Liena juga agak selekeh. Liena menceritakan hal yang sebenarnya terjadi dan ianya betul seperti apa yang diceritakan oleh rakannya. Liena sebenarnya dibawa ke suatu tempat untuk dijadikan pelacur. Dia bersyukur kerana dapat menyelamatkan diri daripada cengkaman rakan-rakannya itu.

“Saya berjanji, ibu. Saya tidak akan menyakitkan hati ibu lagi.” Kata Liena sambil menangis teresak-esak. Liena berasa insaf dan ibunya memaafkannya.

Akhirnya, Liena berubah menjadi seorang yang baik dan membantu ibunya berniaga. Mereka hidup bahagia.